

07 SEP 1997

Umno-Gulung (Sanusi)

MELAYU PERLU SEDIA BERKORBAN APA SAHAJA DEMI ISLAM, KATA SANUSI

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Masa depan orang Melayu terletak kepada kesediaan mereka untuk berkorban apa sahaja termasuk nyawa sendiri dalam mempertahankan agama Islam, kata Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid.

Katanya, masyarakat kini perlu diingatkan bahawa pertumpahan darah seperti yang pernah berlaku sebelum ini akan berlaku jika usaha mengkafirkan sesama Melayu tidak dihentikan dengan segera.

"Apabila anggota Umno sanggup berkorban harta benda, masa, fikiran dan nyawa sekalipun untuk memastikan Islam tidak dikotak-katikkan barulah masa depan kita berada dalam kemenangan," katanya ketika menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, hari ini.

Sanusi, seorang anggota Majlis Tertinggi parti, berkata kenyataannya baru-baru ini bahawa beliau sanggup berjuang mempertahankan pemimpin Melayu dan Islam hingga ke titisan darahnya yang terakhir, telah diputar-belitkan oleh beberapa pihak termasuk dengan mengatakan pemimpin yang disokong itu telah murtad.

"Kenapa kenyataan untuk mempertahankan pemimpin ke titisan darah akhir lebih menarik dan dianggap lebih mengancam dari tuduhan murtad, sedangkan yang akan membuat kita mandi darah ialah kesan dari tuduhan murtad itu sendiri?" katanya.

Menurut Sanusi, ramai yang tidak sedar bahawa tuduhan murtad terhadap pemimpin adalah lebih berbahaya daripada kesanggupan mempertahankan pemimpin.

Katanya, berikutan perkembangan serius penyalahgunaan agama di kalangan orang Melayu kini, ucapan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kali ini bertumpu kepada masalah penyalahgunaan agama untuk tujuan politik daripada masalah ekonomi dan kewangan negara.

"Sekarang usaha untuk memurtadkan mula berlaku, dan pada waktu ini kita juga menghadapi masalah saham, kewangan dan sebagainya," katanya.

Bangsa Melayu perlu diingatkan bahawa bukannya orang yang mengingatkan bangsa dan ummah tentang mandi darah yang perlu dikecam, tetapi yang perlu dikecam ialah orang yang berusaha kerana kepentingan politik untuk memurtadkan orang Umno, apatah lagi tokoh Islam dan Melayu, katanya. --

BERNAMA

RAZ AHH